

**PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT
DI KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN
PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

**PROFESOR DR. WAN RASHID BIN WAN AHMAD
PROFESOR MADYA DR. MOHAMAD HISYAM BIN MOHD. HASHIM
ABDUL RASID BIN ABDUL RAZZAQ**

**FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT SCHEME
VOT NO: 0413**

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini berkenaan pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat yang dilaksanakan di kolej komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kajian ini adalah bertujuan bagi meninjau pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat di kolej komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui dua aspek pendidikan iaitu kaedah penyampaian dalam pengajaran yang diamalkan dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat itu sendiri. Lokasi adalah lima buah kolej komuniti di negeri Johor iaitu Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kolej Komuniti Pasir Gudang, Kolej Komuniti Ledang, Kolej Komuniti Segamat dan Kolej Komuniti Segamat 2 merangkumi jumlah sampel kajian sebanyak 55 orang tenaga pengajar program pendidikan sepanjang hayat yang dipilih secara persampelan keseluruhan untuk menjawab Borang Soal Selidik 1 berkenaan kaedah penyampaian dalam pengajaran dan 306 orang peserta yang dipilih secara keseluruhan daripada populasi peserta program kursus pendek dalam masa 2 minggu, menjawab Borang Soal Selidik 2 berkenaan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat. Dapatkan kajian tinjauan dianalisis secara deskriptif dan ujian Korelasi Pearson dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 11. Hasil dapatan menunjukkan pelbagai kaedah penyampaian yang digunakan dalam pengajaran program pendidikan sepanjang hayat dan hubungan lemah wujud antara kaedah pemilihan dengan faktor pemilihan kaedah pengajaran. Selain itu, peserta memberikan persepsi positif terhadap kolej komuniti dan mereka menyertai program disebabkan mengisi masa lapang. Peserta juga mengetahui kewujudan program daripada iklan yang di keluarkan oleh kolej komuniti sendiri. Selain itu, tidak terdapat hubungan antara kepuasan peserta terhadap pembelajaran program pendidikan sepanjang hayat dengan kekerapan dan keinginan menyertainya semula. Pada keseluruhannya, kajian telah menunjukkan bahawa pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat di kolej komuniti berada pada tahap yang baik.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dekad ini, pendidikan sepanjang hayat sudah menjadi kepentingan kepada lapangan pekerjaan dan polisi pekerja, baik dalam sektor kerajaan maupun organisasi antarabangsa seperti *European Union* dan *Organisation for Economic Co-operation and Development*. Pengetahuan sebagai satu budaya akan menggantikan senario lama yang meminggirkan pembangunan sumber manusia. Dalam budaya pengetahuan, kejayaan diukur dengan kemampuan rakyat berfikir, berkomunikasi dengan baik, berunding melalui idea-idea yang bernalas, bekerja dalam kumpulan, merealitikan perkara yang diimpikan dan menggerakkan perubahan seiring peredaran masa (Terry, 1992).

Laporan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation Faure Commission* pada tahun 1972, telah menjadi dokumen yang amat penting dalam evolusi pendidikan pada pertengahan abad ke 20 (Longworth, 2003). Dalam kebanyakan perkara, laporan ini telah mencadangkan beberapa perkara yang penting iaitu pembangunan kemahiran dan kemampuan manusia dijadikan objektif awal dalam semua peringkat pendidikan. Keduanya, galakkan dalam situasi yang mana dalam konteks kehidupan seharian dan pekerjaan supaya setiap individu faham dan diberi pendidikan untuk meningkatkan daya saing, kreativiti dan percaya diri untuk membiasakan diri dengan situasi yang mencabar dan sentiasa berubah. Selain itu, reka bentuk pendidikan masyarakat yang lebih bersifat tidak bersandar disokong dan

menyediakan peluang pendidikan yang membolehkan masyarakat terlibat dan belajar sepanjang hidup mereka.

Majoriti negara-negara Eropah membina strategi program pendidikan sepanjang hayat yang ekplisit iaitu menetapkan keperluan dalam polisi kebangsaan dan sektor yang berbeza dihubungkan bersama. Kebanyakan daripada kerjasama ini menyediakan visi pendidikan sepanjang hayat yang berdaya maju, meliputi semua jenis dan tahap pendidikan dan latihan. Walau bagaimanapun, ada sesetengahnya hanya fokus kepada pendidikan dan latihan yang formal atau membina aras pembelajaran yang lebih spesifik (*Commision of The European Communities, 2007*).

Longworth (2003) telah menyenaraikan sebab-sebab mengapa pendidikan sepanjang hayat (PSH) ini amat diperlukan:

- i) Kepentingan demografik global.
- ii) Pengaruh televisyen dan media dalam pembangunan idea dan persepsi masyarakat.
- iii) Keperluan pemuliharaan alam sekitar.
- iv) Pembangunan baru dalam semua aspek sains dan teknologi.
- v) Ledakan informasi dan pengetahuan hasil daripada penggunaan internet dan teknologi komunikasi.
- vi) Keperluan industri dan masyarakat untuk terus berinovatif dan fleksibel dalam alam pekerjaan.
- vii) Sikap individu dan perpecahan keluarga dan agama dalam masyarakat yang semakin bertambah.

Bork (2001) berpendapat, program PSH menjadi model yang selalu digunakan dalam pembelajaran selepas konsep yang biasa dijalankan dalam pendidikan tradisional di seluruh sekolah dan universiti dan melibatkan pelajar dewasa.

Ketika ini, Malaysia telah menjadikan agenda PSH sebagai faktor untuk meningkatkan keupayaan modal insan negara. Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menerangkan bahawa program PSH dijadikan sebagai tiang ketiga selepas pendidikan asas dan pendidikan tertiar dianggap penting untuk meningkatkan peratusan tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada 28 peratus pada masa ini kepada 33 peratus menjelang 2015 (Bernama, 2010).

Pelbagai suntikan modal telah diberikan untuk menjayakan program pendidikan sepanjang hayat melalui Rancangan Malaysia Ke-10. Menurut Bernama (2010), institusi yang terlibat dalam menawarkan peluang PSH termasuklah kolej komuniti, politeknik, institusi pengajian tinggi awam, agensi kerajaan dan institusi pendidikan jarak jauh.

Utusan Malaysia (2010a), Kementerian Pengajian Tinggi telah merumuskan rangka tindakan bagi membudayakan PSH 2011-2020 selaras dengan usaha kerajaan bagi mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Rangka tindakan itu adalah berdasarkan kajian yang dijalankan mengenai keperluan modal insan yang cekap, berkemahiran dan berpengetahuan melalui inisiatif PSH. Antara strategi dalam rangka tindakan itu adalah bagi menyediakan sokongan kewangan yang mencukupi bagi menyemai Pendidikan Sepanjang Hayat sebagai cara hidup dan meningkatkan mekanisme dan infrastruktur bagi memudahkan PSH dan berharap ia akan bertindak sebagai satu dasar dan panduan pelaksanaan inisiatif PSH bagi dekad akan datang (Utusan Malaysia, 2010a).

Oleh itu, peluang ini perlulah dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia sesuai dengan saranan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menggalakkan rakyat Malaysia supaya sekurang-kurangnya memiliki satu kemahiran tambahan untuk meningkatkan pendapatan dan menjadi tenaga kerja yang setanding di negara maju (Utusan Malaysia, 2010b). Pembinaan Kolej Komuniti sebanyak 57 buah di seluruh Malaysia dengan dilengkapi infrastuktur dan kemudahan telah menunjukkan keseriusan program PSH di masa depan melalui penawaran kursus-kursus yang berkualiti. Tidak mustahil jika PSH akan menjadi tonggak utama dalam bidang pendidikan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan dan latihan merupakan perkara yang amat penting dalam perubahan ekonomi dan sosial. Bagi melahirkan individu yang fleksibel untuk memperoleh pekerjaan yang baik memerlukan rakyat memiliki daya saing dan sentiasa menambah kemahiran mereka sepanjang hidup. Program PSH menyokong kreativiti dan inovasi dan memberi peluang penglibatan menyeluruh untuk pembangunan ekonomi dan sosial (*Commission of the European Communities, 2007*).

Bagi Anderson (1999), PSH sekarang ini dilihat sebagai satu keperluan sosial dan ekonomi. Kivinen dan Silvennoinen (2002) pula berkata bahawa individu adalah digalakkan untuk membuat pilihan yang tepat dan bermakna dalam pendidikan dan pembangunan diri mereka pada tahap tertentu dalam kehidupan pekerjaan mereka. Sama ada mereka ini terlibat dalam perubahan dari tahap pendidikan ke alam pekerjaan, semasa tidak diambil bekerja, atau pada masa mereka perlu untuk menambah kemahiran dan pengetahuan, program PSH memenuhi kehendak dan keperluan semasa ini, terlibat dalam pembentukan gaya atau *trend* pembangunan yang mana boleh mengubah bentuk struktur pekerjaan, perpindahan dalam organisasi pekerjaan, atau pun nilai seseorang dalam konteks cara kehidupan dan komuniti.

Commision of The European Communities (2007) menjelaskan bahawa pelaksanaan masih menjadi halangan dan cabaran terbesar kepada strategi pendidikan sepanjang hayat. Ianya memerlukan komitmen institusi yang tinggi selain daripada koordinasi dan rakan kongsi dari *stakeholder* yang terlibat. Usaha yang berterusan mampu merealisasikan apa yang diharapkan.

Keefe, Adams dan Pepin, (2003) dalam laporan mereka pula menyebut, keberkesanan pelaksanaan program PSH memerlukan bukan sahaja persetujuan dari segi konsep dan satu pelan strategi untuk tindakan, tetapi juga memerlukan struktur yang mana membenarkan pelaksanaan pada peringkat wilayah, tempatan mahupun pada tahap institusi (sekolah atau syarikat). Perkara ini perlu bagi menjadikan

seseorang individu sebagai hub dan penggerak kepada keseluruhan proses pembelajaran.

Di Malaysia, kerajaan telah memberi penekanan terhadap program pendidikan sepanjang hayat lebih-lebih lagi kepada peserta yang terdiri daripada orang dewasa kerana ia berupaya meningkatkan produktiviti dan peluang pekerjaan. Ini terbukti melalui draf pembentangan Bajet 2008, kerajaan mencadangkan pelepasan cukai sehingga 5,000 ringgit ke atas yuran pengajian dan diperluaskan kepada semua bidang bagi menggalakkan konsep pendidikan ini dalam kalangan rakyat Malaysia (Utusan Malaysia, 2007a). Bukan itu sahaja, dalam pembentangan Bajet 2008 ini juga, kerajaan telah memperuntukan 550 juta ringgit bagi menaik taraf politeknik dan kolej komuniti selain daripada peruntukan sebanyak dua bilion ringgit lagi untuk meningkatkan program kemahiran dan latihan di Malaysia.

Selain penambahan jumlah kolej komuniti sehingga 57 buah di seluruh Malaysia, kolej-kolej komuniti ini telah menyediakan pelbagai jenis kursus dan kemahiran untuk peserta program PSH. Dilihat bahawa usaha yang dijalankan mendapat penerimaan yang positif melalui jumlah peserta yang menyertai dan jumlah tawaran untuk menyertai program Pendidikan PSH (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010).

Oleh yang demikian, satu kajian berkenaan pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat di kolej komuniti perlu dijalankan agar usaha kerajaan menaik taraf institusi seiring dengan pemantapan struktur program yang dilaksanakan.

1.3 Pernyataan Masalah

Program PSH bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan peluang pekerjaan tetapi untuk memperkayakan jiwa dan minda melalui ilmu pengetahuan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2004, kabinet mahukan supaya 34 buah kolej komuniti di seluruh negara dijadikan sebagai hub PSH (Buku Maklumat Kolej Komuniti KPTM, 2008). Ong dalam Utusan Malaysia (2007b) pula berkata, kolej komuniti yang berteraskan pelajaran teknikal dan kemahiran di peringkat sijil

itu boleh dianggap sebagai pelengkap kepada institusi pendidikan tinggi yang lain, sama ada di peringkat universiti, kolej universiti mahu pun politeknik.

Arus modenisasi mempengaruhi cara pelajar belajar, cara guru mengajar dan cara mentadbir oleh pentadbir kolej komuniti (Mess, 2000). Gregor (2000) pula berpendapat, elemen kritikal pembelajaran dalam komuniti berlaku apabila kumpulan tenaga pengajar bekerja bersama dengan komuniti dan membina teknik pengajaran komuniti mereka yang tersendiri. Imran (2009) menegaskan, cabaran kolej komuniti di sini adalah untuk memastikan program PSH, mudah diakses kepada seramai mungkin anggota masyarakat. Bagi Mess (2000) pula, kolej komuniti juga perlu memastikan bahawa matlamat kolej selari dengan matlamat pelajar dan juga komuniti.

Lebih mengecewakan lagi, di Malaysia, masih terlalu kurang kajian yang dijalankan dalam skop pendidikan sepanjang hayat yang dilaksanakan di kolej komuniti. Maka, atas dasar inilah, penyelidik menjalankan kajian tinjauan bagi mengenal pasti kaedah penyampaian dalam pengajaran yang diamalkan oleh tenaga pengajar di kolej komuniti dan penerimaan masyarakat atau komuniti terhadap pelaksanaan program PSH itu sendiri.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan bagi meninjau pelaksanaan program PSH di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui dua aspek pendidikan iaitu kaedah penyampaian dalam pengajaran yang diamalkan dan penerimaan masyarakat atau komuniti terhadap pelaksanaan program PSH itu sendiri.

Seterusnya, hasil dapatan kajian ini boleh digunakan oleh penggubal sistem di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai asas bagi menambah baik struktur program PSH khususnya di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian yang dijalankan:

- Objektif 1: Mengenal pasti demografi pelajar dan pensyarah PSH
- Objektif 2: Mengenal pasti kaedah penyampaian yang digunakan oleh tenaga pengajar di kolej komuniti dalam pengajaran program pendidikan sepanjang hayat.
- Objektif 3: Mengenal pasti faktor pemilihan kaedah penyampaian yang digunakan dalam pengajaran program PSH.
- Objektif 4: Menganalisa hubungan antara antara Kaedah Penyampaian dengan Kemudahan yang Disediakan oleh Kolej Komuniti?
- Objektif 5: Menganalisa hubungan antara Kaedah Penyampaian dengan Isi Pelajaran yang akan disampaikan?
- Objektif 6: Menganalisa hubungan antara Kaedah Penyampaian dengan Kumpulan Peserta?
- Objektif 7: Mengenal pasti persepsi komuniti yang terlibat dengan PSH terhadap Kolej komuniti.
- Objektif 8: Mengenal pasti kepuasan peserta terhadap Program PSH?
- Objektif 9: Mengenal pasti keinginan dan kekerapan peserta menyertai program?
- Objektif 10: Menganalisa hubungan antara Kepuasan Peserta terhadap Pembelajaran Program Pendidikan Sepanjang Hayat dengan Kekerapan dan Keinginan menyertai Semula Program?

1.6 Persoalan Kajian

- Soalan Kajian 1: Apakah demografi Pelajar dan Pensyarah PSH ?
- Soalan Kajian 2: Apakah kaedah penyampaian yang digunakan dalam pengajaran program PSH di Kolej Komuniti?
- Soalan Kajian 3: Apakah faktor pemilihan kaedah penyampaian yang digunakan dalam pengajaran program PSH di Kolej Komuniti?
- Soalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Kaedah Penyampaian dengan Kemudahan yang Disediakan oleh Kolej Komuniti?
- Soalan Kajian 5: Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara Kaedah Penyampaian dengan Isi Pelajaran yang akan disampaikan?
- Soalan Kajian 6: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Kaedah Penyampaian dengan Kumpulan Peserta?
- Soalan Kajian 7: Apakah persepsi peserta program PSH terhadap Kolej Komuniti?
- Soalan kajian 8: Apakah kepuasan peserta terhadap Program PSH?
- Soalan Kajian 9: Bagaimanakah keinginan dan kekerapan peserta menyertai program?
- Soalan Kajian 10: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Kepuasan Peserta terhadap Pembelajaran PSH Hayat dengan Kekerapan dan Keinginan menyertai Semula Program?

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat membantu pelajar atau masyarakat yang tidak dapat menerima pendidikan formal mendapatkan pendidikan informal melalui program PSH. Melalui segala kemudahan yang disediakan, masyarakat dapat belajar dan menambah kemahiran. Hasil kajian ini juga dapat membantu pensyarah memilih kaedah penyampaian yang bersesuaian dengan program PSH dan mengambil kira faktor-faktor yang diperlukan untuk pemilihan kaedah penyampaian yang akan digunakan. Maklumat yang diperolehi dapat digunakan sebagai input tambahan yang dapat membantu dalam pelaksanaan program ini. Data-data yang telah dianalisis akan digunakan untuk memperbaiki kelemahan yang masih terdapat dalam program ini. Selain daripada itu, diharapkan dapat membantu dalam melicinkan pengurusan program ini yang terdapat di kolej-kolej komuniti di serata tanah air. Melalui data kajian, kolej komuniti dapat mengetahui kelemahan yang terdapat dalam program ini dan memperbaikinya supaya selaras dengan keperluan masyarakat dan menepati kriteria-kriteria yang selaras dengan Pelan Induk Pembangunan PSH 2010-2020 yang dicadangkan kerajaan. Malah, maklumat yang diperolehi dapat dijadikan sebagai panduan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk merangka sistem pendidikan bagi program pendidikan sepanjang hayat yang menepati kehendak masyarakat dan mengikut Pelan Induk Pembangunan Pembelajaran di negara ini. Mudahan, maklumat kajian ini dapat menjana idea permulaan dalam membantu negara kita dalam mencapai Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang mensasarkan pembangunan modal insan melalui pendidikan informal dan kemahiran generik dalam bidang masing-masing. Secara tidak lansung kajian ini dapat membantu dalam mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa melalui penaiktarafan kehidupan masyarakat dan penghasilan pekerja-pekerja mahir dan separa mahir yang mampu bersaing dalam bidang ekonomi.

1.8 Skop dan Batasan Kajian


Kajian ini melibatkan dua komponen utama di dalam PSH iaitu pengajaran dan juga komuniti. Kerangka konseptual Hargreaves (2002) dijadikan asas walaupun

terdapat komponen-komponen lain yang dikaji. Penyelidik memilih responden yang terdiri daripada 55 orang tenaga pengajar di lima buah kolej komuniti di negeri Johor iaitu Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kolej Komuniti Pasir Gudang, Kolej Komuniti Segamat, Kolej Komuniti Segamat 2 dan Kolej Komuniti Ledang bagi menjawab persoalan kajian yang pertama,kedua dan ketiga. Selain itu, seramai 306 orang peserta yang sedang mengikuti kursus pendek di lima buah kolej komuniti di negeri Johor pula menjadi responden bagi menjawab persoalan kajian keempat, kelima, keenam dan ketujuh.

1.9 Kerangka Konseptual

Dalam kajian yang dijalankan, penyelidik telah memilih model kerangka Konseptual seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Model ini telah diambil daripada hasil penulisan Hargreaves (2002) iaitu *Effectives Schooling for Lifelong Learning*. Dalam model konseptual ini, terdapat empat konsep yang utama iaitu pengeluaran, modal intelektual, pengaruh dan juga modal sosial. Empat konsep utama ini dikaitkan dengan pendidikan sepanjang hayat yang mana sistem pendidikan digambarkan sebagai sebuah perniagaan. Setiap perniagaan akan ada modal pusingan, hasil pengeluaran dan interaksi sosial. Dalam sebuah perniagaan, akan terdapat modal yang akan dikeluarkan atau dijual kepada pengguna dan adanya modal yang dijadikan modal pusingan yang mana modal ini akan kekal dalam perniagaan. Hasil pengeluaran dalam perniagaan juga boleh disamakan dengan hasil akhir pendidikan.

Empat perkara utama yang menjadi tunggak dalam program pendidikan sepanjang hayat adalah kurikulum, pembelajaran, pengajaran dan komuniti. Empat perkara ini amat penting dan saling berkait antara satu sama lain. Kepencongan salah satu daripada perkara ini boleh melemahkan sistem pendidikan sehingga matlamat asal pendidikan mungkin tidak tercapai.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual (Hargreaves, 2002)

Kurikulum dikaitkan dengan hasil akhir yang mana tujuan pelaksanaan kurikulum adalah bagi mendapatkan perubahan kognitif dan moral seseorang pelajar. Kurikulum yang dijalankan boleh berbentuk formal dan tersembunyi. Kurikulum formal adalah garis panduan yang ditetapkan bagi pelajar untuk diikuti bagi menyempurnakan proses pembelajaran. Manakala kurikulum tersembunyi adalah isi pelajaran yang di pelajari secara tidak langsung iaitu melalui pengalaman atau teladan.

Seterusnya adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan modal intelektual. Ini kerana peranan atau fungsi pembelajaran adalah sama dengan modal intelektual. Dalam sesebuah perniagaan, modal intelektual diguna pakai bagi mengembangkan perniagaan. Modal Intelektual ini seperti dijual tetapi ianya tidak akan hilang dari sesebuah perniagaan. Ianya dikongsi bersama antara pengguna dengan peniaga. Begitu juga dengan sistem pembelajaran. Proses perkongsian ilmu ini boleh berlangsung secara formal atau tidak formal. Pembelajaran secara formal berlaku di

dalam bilik darjah dengan menggunakan kurikulum yang yang dijadikan panduan. manakala, pembelajaran tidak formal berlaku semasa proses kurikulum tersembunyi berlangsung.

Perkara ketiga ialah pengajaran yang dikaitkan dengan pengaruh yang mempengaruhi inovasi dan latihan berdasarkan bukti. Pengajaran juga menjadi pengaruh utama tercapainya sesuatu matlamat pembelajaran dan kurikulum dalam sistem pendidikan. Pengajaran boleh berlangsung dalam dua bentuk yang utama iaitu pengajaran secara formal atau '*didactic*' dan juga secara model (*modelling*). Pengajaran formal berlangsung apabila wujud interaksi secara jelas atau verbal di antara guru dan pelajar, manakala kaedah pengajaran secara model adalah seperti kaedah teladan atau contoh. Pelajar mencontohi atau meneladani perilaku guru semasa atau di luar proses pembelajaran berlangsung.

Akhir sekali, komuniti yang dikaitkan terus dengan modal sosial dijadikan medium bagi mendapatkan kepercayaan dan hubungan yang erat dalam sesuatu aktiviti sosial masyarakat. Komuniti boleh diertikan sebagai tempat atau sekolah yang menjadi pusat aktiviti dan juga boleh disamakan sebagai ahli komuniti yang menggerakkan aktiviti sosial. Sistem pendidikan yang berlangsung dalam sesebuah komuniti adalah bertujuan bagi mencapai kecemerlangan moral dan juga kecemerlangan akademik dalam komuniti tersebut. Kecemerlangan moral dilihat apabila kurangnya masalah sosial yang berlaku dalam komuniti akibat proses pendidikan yang berlangsung, manakala kecemerlangan akademik dilihat berdasarkan kemampuan ahli komuniti atau masyarakat setempat untuk hidup berdaya saing dalam sesebuah komuniti setelah proses pendidikan berlangsung.

Dalam kajian yang dijalankan ini, penyelidik mengadaptasi model teori ini kerana pembina teori mengaplikasikan model ini dalam program pendidikan sepanjang hayat di United Kingdom. Model ini amat bersesuaian dan menepati ciri-ciri sistem pendidikan amnya dan program PSH khasnya yang dijalankan di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

1.10 Definisi Operasional

i. Pelaksanaan

Pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya). Dalam kajian ini, pelaksanaan adalah proses mengendalikan program PSH.

ii. Program Pendidikan Sepanjang Hayat

Pembelajaran atau PSH ditakrifkan sebagai proses yang terdiri daripada latihan, pembangunan diri dan pembelajaran yang boleh membawa kebaikan dalam jangka masa panjang. Apabila seseorang itu bekerja dalam persekitaran di mana ketiga-tiga aspek wujud, dan mengambil bahagian dalam setiap satu, maka pembelajaran sepanjang hayat menjadi kenyataan (Zulkefli, 2005). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, program PSH adalah program kursus pendek yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sahaja.

iii. Kaedah penyampaian dalam pengajaran

Kaedah adalah cara membuat sesuatu (bersistem atau yang biasa) manakala penyampaian bermaksud perihal memberikan maklumat, ilmu atau apa juar perkara dengan kaedah tertentu. Walau bagaimanapun, kaedah penyampaian yang dimaksudkan hanyalah tertumpu kepada kaedah penyampaian yang digunakan dalam pengajaran kursus pendek yang diamalkan di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

iv. Peserta Kursus

Peserta adalah orang yang mengikuti atau terlibat dalam sesuatu perkara spt pertandingan, pergerakan, dan lain-lain. Dalam kajian ini, peserta kursus adalah mereka yang mengikuti program pendidikan sepanjang hayat yang dilaksanakan di kolej komuniti.

1.11 Rumusan

Program pendidikan sepanjang hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia perlu dikaji bagi melihat sejauh mana pelaksanaannya setelah hampir sedekad dipraktikkan di Malaysia. Pada akhir kajian yang dijalankan ini, penyelidik berharap dapat menyediakan satu laporan yang boleh digunakan sebagai garis panduan bagi memantapkan pelaksanaan program PSH.

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pendidikan Sepanjang Hayat

European Commision (2002) menjelaskan PSH sebagai rangkuman kepada semua tujuan aktiviti pendidikan sama ada formal atau informal, yang dilakukan secara berterusan dengan tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan.

Longworth, N. & Davies, W. K. (1996) pula menyatakan PSH adalah pembangunan potensi manusia melalui proses berterusan yang merangsang dan menyokong individu untuk memperolehi semua pengetahuan, nilai-nilai, kemahiran, pemahaman berkaitan kehidupan melalui pengalaman hidup dan menerapkannya dalam kehidupan melalui peningkatan percaya diri, kreativiti dan keseronokan dalam setiap peranan, keadaan dan persekitaran.

Selain itu, PSH juga dapat didefinisikan sebagai semua kegiatan pembelajaran yang dilakukan sepanjang hayat dengan tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam perspektif peribadi, kewarganegaraan, sosial dan / atau pekerjaan yang berkaitan (*European Commision*, 2002).

2.2 Konsep PSH

Pada pertengahan tahun 1990-an, istilah PSH telah digunakan secara meluas bagi menggantikan istilah-istilah lain yang sesinonim dengannya. Sebelum ini, terdapat pelbagai istilah yang telah diguna pakai di kebanyakkan negara seperti *recurrent education, continuing education, human resource development* dan lain-lain lagi. Namun kini, PSH telah dijadikan istilah rujukan (Jarvis, 2007).

Menurut Jarvis (2007) lagi, PSH adalah:

- a. tanggungjawab setiap individu untuk mencari dan mendapatkannya.
- b. bukan lagi tanggungjawab negara.
- c. berkenaan pengajaran dan pembelajaran.
- d. berkenaan bahan pengajaran yang perlu dibeli (digunakan oleh pengguna komuniti).
- e. satu penghargaan berkenaan pengetahuan yang praktikal.
- f. penghargaan yang mana masyarakat, atau separuh daripadanya, berubah dengan peredaran zaman dan maka amat perlu untuk individu untuk belajar (menjadi fleksibel) untuk memenuhi perubahan yang berlaku dalam kehidupan.
- g. pelajar atau peserta boleh memilih pendidikan yang mereka perlukan dan berguna kepada diri mereka. Ianya juga diberi kelayakan dan mendapat penghargaan dalam masyarakat.

2.2.1 Program PSH di Kolej Komuniti

Terry (1992) dalam laporannya telah menyatakan bahawa John Dewey pernah menyebut tujuan pendidikan adalah memberi peluang kepada setiap individu untuk menyambung pendidikan mereka. Beliau juga menegaskan misi penubuhan kolej komuniti adalah untuk menyediakan peluang pendidikan kepada masyarakat.

Di Malaysia, penubuhan kolej komuniti adalah berpandukan Memorandum No. 298/2225/00 yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000 (Fakta Ringkas, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Edisi Ogos 2007). Seperti kebanyakan negara lain di seluruh dunia yang melaksanakan pendidikan di kolej komuniti, kolej komuniti di Malaysia juga memainkan peranan yang sama iaitu sebagai institusi yang menawarkan pendidikan tinggi kepada lepasan menengah khususnya komuniti setempat. Peranannya sebagai gedung ilmu bukan sahaja menawarkan kursus-kursus kepada pelajar lepasan menengah, malahan kepada komuniti setempat yang berminat menimba ilmu pengetahuan sama ada dalam bidang perniagaan, pertanian, pembinaan atau lain-lain lagi adalah program pendidikan sepanjang hayat.

Sehingga kini, jumlah kolej komuniti yang terdapat di seluruh Malaysia telah mencapai angka 57 buah. Penambahan ini berikutan permintaan yang tinggi dalam program pendidikan sepanjang hayat yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat dan komuniti setempat. Jumlah ini akan semakin bertambah supaya seluruh rakyat Malaysia dapat menikmati pendidikan dan menaikkan taraf hidup, tidak hanya masyarakat yang berada di sekitar kolej komuniti sahaja (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010).

Pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat dilaksanakan secara sepenuh masa dan kursus jangka pendek. Kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan biasanya relevan mengikut keperluan masyarakat dan komuniti setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Kaedah pelaksanaannya dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu; tempoh kursus biasanya kurang daripada enam bulan; tempat kursus diadakan di kolej atau menyewa tempat di luar Kolej Komuniti yang berhampiran dengan komuniti setempat, waktu kursus dijalankan pada waktu pejabat atau di luar waktu pejabat mengikut permintaan, kurikulum atau kandungan kursus ditentukan bersama-sama antara pelajar dan pengurusan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, atau menggunakan

modul kursus jangka pendek yang sedia ada atau mana-mana modul kursus sijil sepenuh masa yang mempunyai kesamaan dengan kursus jangka pendek yang hendak dijalankan; alatan kursus biasanya menggunakan alatan kolej. Walau bagaimanapun, jika alatan itu tiada di kolej, pihak kolej akan menyewa dari luar, pengiktirafan berbentuk sijil kehadiran bagi yang mengikuti sesuatu kursus kurang daripada lapan jam atau Sijil Modul bagi yang berjaya menghabiskan sesuatu modul pengajaran, dan yang terakhir, tenaga pengajar merupakan pensyarah Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, atau pensyarah sambilan yang diupah dari institusi luar dan industri termasuk golongan profesional dalam sesuatu bidang (Buku Maklumat Kolej Komuniti KPTM, 2008).

Namun demikian, mungkin ramai yang tidak tahu bahawa kolej komuniti juga menganjurkan banyak kursus pendek secara sambilan atau separuh masa, sama ada untuk menambah ilmu pengetahuan atau untuk mendapat Sijil Kolej Komuniti. Kursus-kursus itu juga adalah terbuka kepada semua peringkat umur, tanpa mengira bangsa atau agama dengan bayaran yuran sebanyak antara RM5 hingga RM20 sahaja (Buku Maklumat Kolej Komuniti KPTM, 2008).

Kursus-kursus pendek di kolej komuniti ini boleh dibahagikan kepada beberapa program iaitu Kursus Modular, kursus-kursus pendek yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, program kursus-kursus pendek yang bertujuan menaikkan taraf sosio ekonomi komuniti setempat dan akhir sekali kursus-kursus pendek yang dijalankan untuk menambah ilmu pengetahuan atau sekadar memenuhi masa lapang sahaja.

Program pertama adalah Kursus Modular yang berdasarkan kursus formal sepenuh masa yang dijalankan untuk memperolehi sijil. Menerusi Kursus Modular, sesiapa yang berminat boleh mengikuti modul-modul sesuatu program pengajian secara sambilan pada bila-bila masa. Faktor fleksibiliti dari segi masa dan tempat ini masih membolehkan pelajar layak mendapat Sijil Kolej Komuniti dengan memenuhi kriteria penilaian dan syarat-syarat yang ditetapkan. Individu-individu yang mempunyai

komitmen lain dan ingin mendapatkan sijil secara sambilan boleh merebut peluang melalui pembelajaran Kursus Modular. Kursus Modular juga sesuai diikuti oleh kakitangan awam ataupun swasta yang sedang bekerja tetapi masih ingin belajar untuk mempertingkatkan kerjaya mereka. Kursus-kursus modular yang terdapat di Kolej Komuniti adalah:

- a) Sijil akuakultur
- b) Sijil menservis penyejukan dan penyamanan udara
- c) Sijil servis kendaraan ringan
- d) Sijil elektrik domestik dan industri
- e) Sijil kimpalan
- f) Sijil motorboat
- g) Sijil pelancongan
- h) Sijil perkhidmatan bangunan
- i) Sijil operasi perhotelan

Program seterusnya adalah kursus-kursus pendek yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sedia ada, memahirkan semula dan mempelbagaikan kemahiran diri. Menerusi program ini, peserta-peserta mengikuti sesuatu kursus dalam jangka waktu yang singkat dan dijalankan di kolej atau di premis industri mengikut persetujuan atau permintaan. Sijil penyertaan akan dikeluarkan oleh kolej komuniti. Kursus ini juga boleh dilaksanakan secara kerjasama dengan badan profesional yang berkaitan. Kumpulan sasaran program itu ialah pekerja industri dan jabatan kerajaan serta masyarakat setempat.

Program yang ketiga adalah program kursus-kursus pendek yang berobjektif menaikkan taraf sosio ekonomi komuniti setempat. Menerusi pelaksanaan program ini, kolej komuniti akan mengenal pasti sesuatu produk atau perkhidmatan yang berdaya saing dan dapat dimanfaatkan dari segi sosio ekonomi kumpulan sasaran bagi sesuatu tempat atau daerah. Kolej komuniti akan mengenal pasti dan bekerjasama dengan agensi-agensi yang boleh menyumbang dari segi bantuan kewangan, pemasaran, pengurusan dan aspek-aspek teknikal yang berkaitan. Perancangan, pelaksanaan dan

pengawalseliaan program-program yang telah dikenal pasti tadi akan dilakukan sendiri oleh kolej komuniti dengan bantuan badan-badan tertentu. Program ini sangat bersesuaian kepada individu yang telah berkecimpung dalam bidang-bidang berkaitan. Ianya juga menjadi pemangkin ekonomi setempat bagi mereka yang berminat untuk memajukan diri dalam bidang pengeluaran dan perniagaan tertentu.

Manakala program keempat adalah kursus-kursus pendek yang dijalankan untuk menambah ilmu pengetahuan atau memenuhi masa lapang sahaja. Kursus-kursus akan dilaksanakan mengikut bilangan penyertaan kumpulan kecil (**minimum 15 peserta**) atau besar dan pengisian berdasarkan kehendak kumpulan atau individu, dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat yang berminat tentang apa juar perkara.

Kursus-kursus ini dapat dirangkumkan dalam jenis-jenis kursus pendek. Antara kursus-kursus pendek ini adalah:

- a) Kursus menggunting rambut
- b) Kursus asas solekan
- c) Kursus seni kulinari
- d) Kursus pengurusan jenazah lelaki dan perempuan
- e) Kursus *english camp for primary/secondary school*
- f) Kursus *microsoft word*
- g) Kursus *microsoft excel*
- h) Kursus asas simen fero
- i) Kursus pedagogi bahasa arab
- j) Kursus asas kecantikan dan dandanan
- k) Kursus asas membaiki peti sejuk domestik
- l) Kursus menservis unit penyamanan udara domestik
- m) Kursus urutan tradisional melayu
- n) Kursus kepimpinan
- o) Kursus grafik dan multimedia
- p) Kursus teknologi maklumat
- q) Kursus jahitan dan pakaian

- r) Kursus pendawaian elektrik 1 fasa
- s) Kursus hiasan dalaman dan kraftangan
- t) Kursus asas keusahawanan
- u) Kursus asas senggaraan keretá
- v) *Kurus adobe photoshop*
- w) Kursus baik pulih telefon bimbit
- x) Kursus membuat kek dan pastri
- y) Kursus kerja kayu
- z) Kursus asas elektronik

(Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010)

2.3 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu proses yang meliputi aktiviti-aktiviti perancangan, perlaksanaan, penilaian dan maklum balas yang mana melibatkan komunikasi antara guru dan pelajar (Shahabuddin dan Rohizani, 2004). Tambah mereka lagi, proses pengajaran adalah bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu. Corak pengajaran sentiasa diubah mengikut perkembangan pendidikan agar matlamat pengajaran negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhlik mulia dapat dicapai.

Hargreaves (2002) berpendapat pengajaran boleh berlangsung dalam dua bentuk yang utama iaitu pengajaran secara formal atau '*didactic*' dan juga secara model (*modelling*). Pengajaran formal berlangsung apabila wujud interaksi secara jelas atau verbal di antara guru dan pelajar, manakala kaedah pengajaran secara model adalah seperti kaedah teladan atau contoh. Pelajar mencontohi atau meneladani perilaku guru semasa atau di luar proses pembelajaran berlangsung.

Shamsuddin, S. N. (2005) menyatakan bahawa sistem pendidikan yang baik adalah berdasarkan pengajaran yang perlbagai dan mengikut kesepadan dengan pelajar supaya perkembangan potensi pelajar dapat dijalankan secara menyeluruh.

Kaedah pengajaran yang perlbagai perlu digunakan oleh pengajar supaya setiap proses pembelejaran dapat berjalan dengan lancar dan bersesuaian dengan pelajar. Dengan cara ini pelajar dapat mencapai objektif pembelajaran dengan berkesan dan meningkatkan pencapaian akademik (Saad, M., 2004).

Bagi Tengku Sarina Aini dan Yusmini (2007), pengajaran guru perlu disampaikan dengan kaedah pengajaran yang perlbagai, bersesuaian dengan keadaan diri pelajar. Berikut adalah perkaitan antara kaedah pengajaran guru dan gaya pembelajaran pelajar:

1. Guru perlu mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berbeza-beza.
2. Penentuan kaedah pengajaran berdasarkan gaya pembelajaran yang berbeza di kalangan pelajar adalah penting dan perlu.
3. Kaedah pengajaran yang berbeza memberi peluang kepada pelajar bagi membuat aktiviti di dalam kelas secara bebas dan aktif, sama ada dengan aktiviti perbincangan, keupayaan berhujah dan mengeluarkan pendapat.
4. Kaedah pengajaran yang berbeza mendatangkan pendekatan yang menyeronokkan dan dapat merangsang minat pelajar supaya terus belajar.

Tengku Sarina Aini dan Yusmini (2007) menambah, antara tujuan guru menggunakan perlbagai kaedah penyampaian dalam pengajaran adalah membantu guru dalam menilai sejauh mana penguasaan pelajar dalam pembelajaran. Selain itu, dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar pada pengajaran dengan merangsang minat dan semangat. Kaedah penyampaian yang berbeza juga menjamin objektif pengajaran guru tercapai pada akhir sesi pembelajaran, memudahkan guru dalam menyampaikan sesuatu topik pengajaran dan supaya proses pengajaran dapat berjalan dengan terancang.

Antara kadah penyampaian yang biasa digunakan dalam pengajaran adalah kaedah syarahan atau kuliah, kaedah perbincangan, kaedah penyelesaian masalah, kaedah demostrasi atau tunjuk cara dan kaedah projek (Tengku Sarina Aini dan Yusmini, 2007).

2.4 Komuniti dan Penglibatan

Umumnya, tujuan utama pembangunan komuniti di setiap negara di dunia ialah untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Pembangunan komuniti juga dapat membantu individu untuk meningkatkan keadaan sosial dan ekonomi mereka. Para perwakilan dalam Seminar Pembangunan Komuniti Antarabangsa yang berlangsung di University New England (Februari 1964), telah sepakat menetapkan matlamat pembangunan komuniti di negara-negara sedang membangun ialah memotivasi individu untuk menjadi rakyat yang aktif melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti masyarakat (Haris, 2007). Definisi oleh kumpulan pakar daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu penglibatan komuniti diertikan sebagai pembentukan peluang yang sama kepada semua ahli komuniti untuk melibatkan diri secara aktif (Haris, 2007).

Haris (2007) berpendapat, analisis berkenaan tahap penglibatan jelas menunjukkan bahawa tahap penglibatan yang tinggi boleh dijangkakan dalam keadaan orang ramai secara relatifnya kreatif dan secara sukarela terlibat dalam program aktiviti berdasarkan keperluan mereka sendiri. Manakala sebaliknya berlaku apabila paksaan dalam proses penglibatan komuniti kurang berkesan untuk mencapai penglibatan orang ramai dalam program pembangunan. Ini berlaku disebabkan matlamat utama program-program berasaskan komuniti adalah untuk meningkatkan pembangunan manusia dan hanya akan dicapai sekiranya orang ramai yang terlibat dalam meningkatkan tahap tanggungjawab dalam setiap program aktiviti yang berlaku dalam komuniti mereka.

Kajian terdahulu banyak mengaitkan faktor-faktor penglibatan individu dalam aktiviti pendidikan komuniti. Antara faktor-faktor yang biasa dibincangkan adalah faktor sosioekonomi dan demografi masyarakat, faktor pengetahuan masyarakat, faktor tanggapan masyarakat, dan faktor yang berkaitan dengan institusi pentadbiran.

Kajian yang telah dibuat di Amerika Syarikat oleh Long (1987) pula mendapati latar belakang individu mempunyai hubungan dengan penglibatan seseorang dalam pendidikan dewasa. Antara faktor-faktor yang beliau telah kaji adalah umur, tahap pendidikan, keturunan, ciri-ciri keluarga, status perkahwinan, pendapatan, jantina, tempat tinggal dan faktor-faktor sosioekonomi yang lain. Daripada kajian beliau telah menunjukkan bahawa tahap pendidikan, pendapatan dan jantina mempunyai kaitan dengan penglibatan individu dalam pendidikan orang dewasa.

2.4.1 Kolej Komuniti

Kolej komuniti merupakan salah satu institusi pendidikan yang banyak dilaksanakan di negara-negara di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan di beberapa negara yang menjalankan pendidikan di kolej komuniti ini dari segi nama, sebutan, kaedah pelaksanaan atau taraf pendidikan yang ditawarkan.

Kolej komuniti ditubuhkan bagi mensasarkan penawaran keperluan pendidikan kepada pelajar setempat dan juga komuniti tempatan yang tinggal di kawasan itu (McPhail, 2005). Para pelajar yang tidak berkemampuan mendapatkan tempat di kolej atau di atas lain-lain sebab tidak berjaya mendapat tempat untuk belajar di mana-mana institusi pendidikan tinggi lain, boleh mengikuti kursus-kursus yang diminati di kolej komuniti yang terdapat di komuniti tempat tinggal mereka sendiri. Kolej komuniti juga bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan sama ada kerajaan atau swasta, menyediakan kursus latihan untuk keperluan warga tempatan (Miller, 2004).

RUJUKAN

- Anderson, D. (1999). *Navigating the Rapids: The Role of Educational and Careers Information and Guidance in Transitions between Education and Work.* Journal of Vocational Education and Training, Vol. 21 No 3; 371-99.
- Awang, M. Z. (2007). *Kepuasan Pelajar-pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Jentera) Terhadap Kemudahan Bengkel di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.* Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Babbie E. R., (2005). *The Practice of Social Research.* 11 Ed. Wadsworth Publishing.
- Bork A., (2001). Adult Education, Lifelong Learning and the Future. *Journal of Campus- Wide Information Systems,* Vol 18 No 5; 195-203.
- Buku Maklumat Kolej Komuniti KPTM, (2008). *Buku Maklumat Kolej Komuniti.* Bahagian pengurusan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Commission of the European Communities (2007). Delivering Lifelong Learning for Knowledge, Creativity and Innovation. *Draft 2008 joint progress report of the Council and the Commission on the implementation of the “Education and Training 2010 work programme”.*
- Chua Y. P., (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku I Kaedah Penyelidikan.* McGraw Hill- Di cetak di Malaysia.

Dalen (1979). *Education Research*. New York: Alfred A Knopf.

Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Edwards R., Hanson A. dan Raggatt P., (1996). *Adult Learners, Education and Training 1: Boundaries of Adult Learning*. New York: Routledge association with The Open University.

European Commision, (2002). *European Report On Quality Indicators of Lifelong Learning*. Brussels: Directorate-General for Education and Culture.

Fakta Ringkas, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, (Edisi Ogos 2007) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Gregor J. M., (2000). *Teaching Communities Within Learning Communities*. Washington Centre News, Spring 2000.

Hargreaves D. H. Effectives Schooling for Lifelong Learning". Dalam Istance D. et al. (2002). *International Perspectives on Lifelong Learning*. Buckingham : SRHE and Open Univercity Press; p58.

Haris A. W.,(2007). *Penglibatan Masyarakat Tani dalam Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hassan, M. K. N., (2003). *Persepsi Pelajar-pelajar Kolej Komuniti Terhadap Program Yang Mereka Ikuti*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Imran I., (2009). *Amanat Tahun Baru Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. 30 Januari 2009. Kajang: UNITEN.